

KERATAN: Utusan Borneo TARIKH: 13/03/2012  
\* Fail Etnik Sabah M/S: (CB1)

SAB-A0419/12

## Mengenali budaya masyarakat



Oleh MOHD NAZIB MACPEE  
mr\_pikor@yahoo.com

**MASYARAKAT**  
Masyarakat Melayu Cocos merupakan satu kumpulan etnik minoriti yang tinggal di beberapa lokasi di Sabah berasal daripada kepulauan Cocos keeling (Cocos Keeling Island) yang terletak di barat daya benua Australia.

Masyarakat Cocos yang pertama telah dibawa masuk ke kepulauan Borneo semenjak perang dunia ke-2 dan telah ditempatkan di estet Abaka yang terletak berdekatan dengan daerah Balung Tawau.

Berdasarkan penyelidikan, migrasi masyarakat Cocos yang pertama adalah seramai 20 orang sahaja. Dan terdapat segelintir masyarakat Cocos telah dihantar ke daerah Lahad Datu terutamanya ke kawasan perkampungan Segama untuk bekerja sebagai buruh di ladang tembakau yang dimiliki oleh

### ~~(CB1)~~ Mengenali budaya masyarakat Melayu Cocos

kerajaan British dalam sekitar tahun 1951.

Pada masa kini, masyarakat Cocos telah berkembang dan menduduki beberapa daerah di negeri Sabah. Antaranya Kunak, Sandakan, Tawau dan juga Lahad Datu. Kini kerajaan Malaysia telah mengiktirafkan masyarakat ini sebagai warganegara dan status bumiputera.

Bukan itu sahaja, penduduk kaum Cocos di Sabah yang mencapai populasi lebih dari 4,000 orang lebih ramai dari penduduk asal di Kepulauan Cocos. Bahkan, segelintir masyarakat ini juga boleh didapati di negara Singapura.

Meskipun masyarakat Cocos ini telah lama bermastautin di negara ini, namun adat resam dan budaya mereka masih diamalkan sehingga ke saat ini dan diturunkan ke generasi muda. Budaya masyarakat ini amat unik disebabkan ianya gandingan di antara budaya Scotland, English dan Melayu. Keunikan ini boleh didapati melalui

tarian tradisional, pakaian dan juga bahasa.

'Dansa' sebuah tarian tradisional yang mana perkataan ini juga telah diolah dari perkataan 'Dance' (menari). Dansa sering ditarikan apabila ada perayaan seperti perkahwinan, majlis sambut tetamu dan banyak lagi. Tarian ini bukan sahaja untuk hiburan, namun ianya merupakan salah satu cara untuk mengeratkan silaturahim sesama tetangga. Ini kerana, ianya bukan sahaja ditarikan oleh sepasang atau sekumpulan penari malah ianya boleh ditarikan oleh semua tanpa mengira umur dan darjah.

Selain 'Dansa' masyarakat Cocos juga turut mempunyai beberapa tarian tradisional lain seperti melenggok dan 'menyetep' (stepping). Apa yang boleh membezakan budaya Melayu Cocos dengan budaya kaum yang lain adalah kerana setiap tarian pastinya akan diiringi oleh gesekan biola dan tambu. Bukan itu sahaja, rentak lagunya juga unik kerana

UB - 13/03/12 (B1)

ianya bercirikan rentak lagu negara Scotland.

Sementara itu, berdasarkan pakaian tradisional masyarakat Cocos, baju kebaya yang juga dikenali sebagai Baskat mempunyai keunikannya sendiri. Ianya terdiri daripada jubah longgar yang merujuk kepada baju panjang tanpa kolar dengan garis leher yang pendek yang dipinkan bersama kerongsang besar dan ianya dipadankan dengan kain sarung.

Bagi kaum lelaki pula dikenali sebagai baju Melayu adalah baju longgar yang dipinkan dengan tiga butang ataupun tanpa kolar dengan bukaan leher. Kedua-dua pakaian ini tidak serupa dengan pakaian Melayu tipikal kerana ianya dipercayai mempunyai campuran dari beberapa budaya seperti Jawa dan Scotland.

Manakala melalui bahasa yang digunakan oleh kaum Cocos juga mempunyai bahasa Melayu yang tersendiri. Ini kerana, bahasa kaum diolah dari pelbagai dialek seperti

Belanda, Scotland, English, Jawa dan Bahasa Melayu sendiri. Antara istilah dalam bahasa Melayu Cocos termasuklah; *hijo/hijju* (hijau), *kerangkeng* (almari), *ke balok* (Besar), *ke kaca/kenes* (comel), *dostor* (doktor), *kelengar* (pengsan), *gua* (saya), *luh* (awak) dan *chapek* (penat).

Bukan itu sahaja, kaum ini juga mempunyai nama gelaran dalam keluarga untuk menghormati status seseorang dalam keluarga berkenaan. Contohnya seperti; *Nek Wan* (nenek), *Wawak* (makcik atau pakcik yang lebih tua dari ibu bapanya), *paman* (pakcik yang lebih muda dari ibu bapanya), *bibik* (makcik) yang lebih muda dari ibu bapanya.

Begitulah serba sedikit mengenai kaum Cocos yang dapat saya sampaikan kepada anda melalui ruangan ini Seni dan Budaya pada kali ini. Semoga saya diberikan kesempatan sekali lagi untuk menyampaikan lebih banyak ciri-ciri masyarakat Cocos.



**BAJU** kebaya Melayu Cocos yang dipakai ketika majlis atau persembahan tarian Dansa.